



PEKELILING PELABUHAN PORT CIRCULAR

JABATAN LAUT MALAYSIA
Pejabat Laut Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 81005, 87020 W.P. Labuan

NO. 14 / 2020

Phone : 087-413511 Email: pjlwplbn@marine.gov.my
Fax : 087-413515 Web Page : <http://www.marine.gov.my>

WAKTU OPERASI BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AIR DAN LARANGAN MENGADAKAN AKTIVITI SOSIAL LAUT DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

OPERATING HOURS FOR WATER TRANSPORT SERVICES AND PROHIBITION FOR MARINE SOCIAL ACTIVITY AT LABUAN FEDERAL TERRITORY

Daripada	: Pegawai Pelabuhan	From	: Port Officer
Kepada	: Pemilik Kapal, Ejen Perkapalan dan Masyarakat Perkapalan	To	: Ship Owner, Shipping Agency and Shipping Community
Tarikh	: 13 November 2020	Date	: November 13 th 2020
Carta	: MAL 8518, MAL 8523, MAL 6	Chart	: MAL 8518, MAL 8523, MAL 6

Masyarakat perkapalan telah dimaklumkan melalui Perutusan Khas YB Menteri Kanan Pertahanan mengenai COVID-19 pada 7 November 2020, berkaitan dengan situasi ancaman virus COVID-19 yang semakin serius. Bagi mencegah penularan baharu wabak ini, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Labuan mulai 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Shipping community has been informed that in accordance with the Senior Minister of Defense Special Message regarding to COVID-19 on November 7th 2020, in relation to the increasingly serious situation of the COVID-19 virus. To prevent the spread of the pandemic, the Government has decided to implement the extended Conditional Movement Control Order (CMCO) at Labuan Federal Territory commencing from November 9th 2020 until December 6th 2020 which under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 and the Police Act 1967.

Selaras dengan lanjutan PKPB tersebut, waktu operasi bagi feri RoRo, feri ekspres, bot laju, teksi air dan pemaliman dibenarkan beroperasi mulai jam 6.00 pagi sehingga 6.00 petang sahaja dengan kapasiti terhad penumpang berdasarkan arahan penjarakkan sosial. Manakala Terminal Feri Antarabangsa Labuan ditetapkan sebagai pintu masuk utama bagi semua perkhidmatan teksi air yang membawa kru atau anak kapal yang berlabuh di perairan Wilayah Persekutuan Labuan untuk tujuan saringan kesihatan berkuatkuasa sehingga 6 Disember 2020.

In line with the extended CMCO, operating hours for RoRo ferries, express ferries, speedboats, water taxis and pilotages are allowed to operate from 6.00 a.m to 6.00 p.m only with limited capacity of passengers based on social distancing. Accompanying that the Labuan International Ferry Terminal designated as the main entrance for all water taxis services carrying crews anchored in the Labuan Federal Territory waters for health screening purposes effective until December 6th 2020.

Masyarakat perkapalan juga tidak dibenarkan untuk mengadakan sebarang aktiviti sosial di laut seperti *Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Diving, Snorkeling* dan apa jua aktiviti sosial yang berkaitan di laut sehingga 6 Disember 2020.

Shipping community also are not permitted to conduct any social activities at sea such as Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Diving, Snorkeling and any relevant social marine activities until December 6th 2020.



(KAPT. SAAT BIN SANUSIR)
b/p: Pengarah Laut,
Jabatan Laut Malaysia,
Wilayah Persekutuan Labuan.